

Headline	<b>Cusa Sebati Dengan Kerja Amal</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>16. Aug 2008</b>	Page No	<b>6</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>797 cm2</b>
Section	<b>Yo!</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>	AdValue	<b>11228.09</b>



# CUSA sebati dengan kerja amal

**PERHIMPUNAN** Penuntut Kolej dan Universiti (CUSA) Malaysia sering melakukan pelbagai kerja amal untuk berbakti kepada masyarakat.

Baru-baru ini contohnya, hampir 300 anggota CUSA dari 12 institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai program khidmat masyarakat, di Brickfields, Kuala Lumpur.

Para peserta adalah mahasiswa dari Universiti Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Tunku Abdul Rahman, Lincoln College Asia Pacific, Kuala Lumpur Metropolitan Universiti College, College Tunku Abdul Rahman dan Universiti Industrial Selangor.

Antara tujuan kerja amal itu ialah mendekati lagi mahasiswa dengan kumpulan masyarakat, terutama mereka yang memerlukan bantuan.

Dalam kerja amal kali ini, mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan supaya aktiviti kebajikan buat kumpulan sasar itu dapat diselesaikan sebagaimana yang dijadualkan.

Mereka berbakti secara suka rela di empat lokasi yang dikenal pasti berkeyakinan diberi bantuan secepat mungkin.

Salah satu daripada lokasi pilihan itu ialah di Rumah Ozama, iaitu sebuah pusat penjagaan anak-anak yatim.

Pada masa yang sama, sebahagian anggota CUSA juga turut mengeringkan katil dan tenaga suka rela untuk berbakti di Pusat Kanak-Kanak Spastik Selangor.

Satu lagi kumpulan CUSA melakukan kerja amal di Pasar Bandar Lama, Brickfields, sementara sebahagian lagi di kawasan rumah kos rendah Taman Bukit Angkasa, Kampung Kerinchi.

Di keempat-empat lokasi pilihan itu, antara kerja amal yang dilakukan mereka ialah membersihkan kawasan sekitar.

Mereka juga turut mencantikkan bangunan pusat-pusat kebajikan tersebut bagi meningkatkan lagi kesejahteraan para penghuni.

Antara matlamat program CUSA ialah untuk memperkuat lagi semangat golongan muda supaya sentiasa mengutamakan kerja amal buat masyarakat pelbagai bangsa.

Pada masa yang sama, ia mahu mendidik mahasiswa agar tidak meminggirkan khidmat sukarela kepada golongan yang memerlukan bantuan.

Program Cusa itu bukan sahaja mendapat pujian masyarakat setempat, tetapi juga dihargai oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ir. Idris Haron.

Penghargaan berkenaan dinyatakan olehnya ketika berucap merasmikan program tersebut di Kompleks Belia MAYC, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Idris menyatakan, kerajaan berbangga dengan khidmat bakti sedemikian sambil mengajak golongan berpendidikan tinggi supaya sentiasa memberi keutamaan kepada kerja amal.



BARISAN peserta Perhimpunan Penuntut Kolej dan Universiti yang sering melakukan aktiviti kerja amal.